



KEMENTERIAN KEMAJUAN
LUAR BANDAR DAN WILAYAH

TALKING POINT

MAJLIS PENUTUP KARNIVAL LIPIS 2017

**DATARAN ORANG KAYA HAJI,
KUALA LIPIS, PAHANG**

**1 OKTOBER 2017 (AHAD)
WAKTU KETIBAAN : 8.45 MALAM**

KEHADIRAN JEMPUTAN:

Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad,
Ahli Parlimen Lipis

Yang Hormat, Dato' A. Rahman bin Hamzah,
Pegawai Daerah Lipis merangkap Yang Dipertua Majlis Daerah Lipis

Yang Berhormat, Dato' Mustapha bin Long,
Ahli Dewan Undangan Negeri Kawasan Padang Tengku.

Yang Berbahagia, Ketua Pegawai Eksekutif Risda Plantation Sdn. Bhd.
Yang Berbahagia, Pengurus Besar Tourism Pahang.

Yang Setia, Supritendan Azry Akmar bin Dato' Hj. Ayob,
Ketua Polis Daerah Lipis.

1. **Karnival Lipis mula diadakan pada tahun 1992.**

- Mula dianjurkan oleh Pejabat Daerah Lipis mulai 1992 hingga 2003.
- Pada tahun 2004 MDL menjadi urusetia sehingga sekarang.

2. **Matlamat/Objektif Karnival Lipis**

i) Memperkenalkan produk-produk makanan dan pelancongan Kuala Lipis.

Melalui Karnival Lipis penduduk-penduduk tempatan boleh mempamerkan produk-produk tradisional Karnival Lipis iaitu gula kabung, keladi kemahang, sambal hitam, gulai tempoyak ikan sungai, kuih-muih tradisional dan sebagainya. Penduduk tempatan akan memperkenalkan produk melalui pertandingan masakan dan jualan semasa karnival berlangsung. Ini juga akan menambahkan ekonomi penduduk setempat. Terdapat 14 buah bangunan bersejarah dalam Bandar Lipis untuk diperkenalkan kepada pelancong.

ii) Aktiviti Sukan.

Karnival Lipis menganjurkan pertandingan futsal terbuka dan kanak-kanak, bola jaring, sepak takraw dan sukan rakyat. Ini dapat menyatu padukan rakyat berbilang bangsa di Daerah Lipis dan melahirkan jaguh-jaguh sukan.

iii) Memperkenalkan Kebudayaan Lipis Kepada Orang Ramai.

Kuala Lipis mempunyai pelbagai kebudayaan kaum iaitu kaum Melayu, India, Cina dan Orang Asli yang perlu diketengahkan supaya tidak ditelan zaman. Melalui aktiviti Karnival Lipis akan diadakan malam kebudayaan masyarakat Lipis untuk ditonjolkan kepada pelancong. Dato' Siti Nurhaliza juga bakatnya dicungkil melalui pertandingan nyanyian sempena Karnival Lipis.

iv) Mempromosikan Daerah Lipis Sebagai Destinasi Pelancongan

Daerah Lipis juga tidak ketinggalan dengan destinasi pelancongan iaitu Taman Negara, air terjun yang menarik dan pelancongan pertanian. Ini bersesuaian dengan Tahun Melawat Pahang 2017. Melalui Karnival Lipis, Tourism Pahang akan menyediakan ruang pameran untuk masyarakat dan pelancong yang berkunjung ke karnival Lipis.

v) Memberi Peluang Perniagaan Kepada Peniaga Tempatan dan Perusahaan Kecil Sederhana

Melalui penganjuran Karnival Lipis sebelum ini telah memberi kesan yang sangat besar kepada peniaga-peniaga kecil yang minat dalam bidang perniagaan untuk menambah pendapatan keluarga. Hasil dari kajian maklumbalas peniaga, semua peniaga melahirkan kata-kata positif dan pendapatan 3 kali ganda. Oleh yang demikian Karnival Lipis diadakan setiap tahun.

3. **Program/Aktiviti Karnival Lipis**

Program/aktiviti Karnival Lipis diadakan berlandaskan kepada matlamat/objektif Karnival Lipis iaitu seperti berikut:

- (i) Perniagaan
 - Gerai pelbagai
 - Gerai makanan
- (ii) Pameran Jabatan
- (iii) Kebudayaan
- (iv) Sukan
- (v) Keagamaan
- (vi) Pertandingan-Pertandingan Mencungkil Bakat.

4. **Kelulusan Peruntukan Yang Pernah Disalurkan Oleh KKLW**

- Penganjuran Tahun 2008 = RM110,000.00
- Penganjuran Tahun 2016 = RM100,000.00
- Penganjuran Tahun 2017 = RM100,000.00

Bagi tahun-tahun yang lain peruntukan diperolehi daripada Kerajaan Negeri dan sedikit daripada peruntukkan MDL sendiri